PERSATUAN LINGUISTIK MALAYSIA
Bahasa Sendi Tamadun Bangsa

www.plm.org.my

JURNAL LINGUISTIK Vol. 17(2) Disember. 2013 (91-100)

Pilihan Bahasa di Sempadan Malaysia-Thailand berdasarkan Analisis Domain

Hayati Lateh, Mohammad Fadzeli Jaafar, Mohammed Azlan Mis, Norsimah Mat Awal
yatithai@ukm.my
Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Makalah ini bertujuan untuk mengenal pasti bahasa perantaraan utama atau lingua franca yang digunakan di sempadan Malaysia-Thailand dengan mengaplikasikan teori domain yang dipelopori oleh Fishman (1972). Konsep ini telah mencadangkan pelbagai domain seperti domain keluarga, perniagaan, jiran tetangga, kawan, pekerjaan dan agama yang boleh digunakan sebagai asas dalam kajian pemilihan bahasa dalam kalangan komuniti yang boleh bertutur pelbagai bahasa seperti komuniti di sempadan Malaysia-Thailand. Kawasan kajian ialah di Rantau Panjang- Golok dan Pengkalan Kubur-Takbai. Fokus kajian ini pula berkaitan dengan domain perniagaan dan keluarga kerana kawasan kajian ini terkenal sebagai destinasi membeli belah utama di utara Malaysia. Data kajian ini diperoleh melalui kerja lapangan, iaitu soal selidik dan temu bual. Sejumlah 200 responden yang mewakili kedua-dua sempadan telah dipilih sebagai sampel kajian. Data kajian dianalisis secara peratusan untuk menentukan jumlah pilihan bahasa. Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden Malaysia menggunakan pelbagai bahasa dan dialek apabila mereka berkomunikasi dengan responden dari Thailand. Responden yang berumur 21-40 tahun lebih cenderung menggunakan dialek Kelantan, bahasa Thai standard dan bahasa Malaysia. Responden yang berumur 40 ke atas pula hanya memilih dialek Kelantan. Ini menunjukkan pemilihan bahasa di sempadan Malaysia- Thailand dipengaruhi oleh umur responden. Hasil kajian juga menunjukkan responden dari Malaysia dan Thailand lebih cenderung mengguna dialek Melayu Kelantan dan dialek Melayu Patani dalam domain kekeluargaan. Ini menunjukkan bahawa dialek Melayu Kelantan ialah bahasa utama di kawasan sempadan Malaysia-Thailand berbanding dengan bahasa Thai. Dengan kata lain, responden Thailand di sempadan Malaysia – Thailand telah berasimilasi dengan penduduk Malaysia.

Kata kunci: *lingua franca*; sempadan Malaysia-Thailand; domain; pilihan bahasa

Abstract

This paper aims to identify the lingua franca at the border of Malaysia-Thailand using the domain concept introduced by Fishman (1972). This concept proposes several domains such as family, business, neighborhood, friendship, work and religion which can be used as the basis for studies on language choice in multilingual communities such as the Malaysia-Thailand community. The study is conducted at border area of Rantau Panjang- Golok and Pengkalan Kubur- Takbai. This study focuses on business domain and family domain because these areas are popular shopping destinations in Northen Malaysia. The data was obtained via questionnaires and interview. A total of 200 respondents in the Malaysia-Thailand border were obtained with equal number. Data is analyzed statistically. Findings of the research show that respondents from Malaysia use different languages and dialects when they communicate with those from Thailand. Respondents in the 21-40 age range are more inclined to choose Kelantanese Malay dialect, Thai language and Malay language. However, older respondents (above 40 years) choose only Kelantanese Malay dialect. This shows that language choice at the Malaysia-Thailand border is influenced by the age of the respondents. The findings also show that respondents from Malaysia and Thailand are more inclined to choose Kelantanese Malay dialect and Patani Malay dialect in family domain. This shows that Kelantanese Malay dialect functions as the lingua franca at the Malaysia-Thailand border as opposed to Thai language. In another words, the Thai respondents have assimilated with the Malay community at the Malaysia-Thailand border.

Key words: *lingua franca, Malaysia-Thailand border, domain, language choice*

1. Pengenalan

Pemilihan bahasa berlaku apabila lebih daripada satu bahasa atau pelbagai bahasa digunakan oleh komuniti yang pelbagai latar belakang, bahasa natif, budaya dan cara hidup (Fishman 1972). Ahli komuniti tersebut akan memilih satu bahasa sebagai bahasa perantaraan utama atau *lingua franca* antara mereka dalam kehidupan harian (Fishman 1972, Holmes 2001, Asmah 2006, Mohammed Azlan 2010). Makalah ini cuba mengenal pasti pemilihan bahasa yang digunakan di sempadan Malaysia-Thailand dan juga faktor angkubah sosial seperti umur, bangsa, jantina, taraf pendidikan, dan pekerjaan yang menentukan pemilihan bahasa tersebut. Di samping itu, kajian ini juga akan menggunakan teori domain, yang mengaplikasikan konsep *who speaks what language to whom and when* yang dipelopori oleh Fishman (1972).

2. Kajian Lepas

Kajian pemilihan bahasa perlu mengambil kira bahasa-bahasa yang digunakan dalam masyarakat pelbagai bahasa (Chambers 2002, Borbely 2000). Satu bahasa akan dipilih sebagai bahasa *lingua franca* dalam komuniti tersebut dan ini berlaku dalam komuniti sempadan Malaysia-Thailand. Sempadan Malaysia-Thailand ialah kawasan yang menghubungkan penduduk dari kedua-dua negara dan penduduk setempat berinteraksi antara satu sama lain dalam kehidupan harian. Dalam situasi begini, pemilihan bahasa adalah penting untuk mereka berkomunikasi antara satu sama lain dan bahasa yang dipilih merupakan bahasa yang difahami bersama oleh kedua-dua pihak dan digunakan secara meluas di kawasan tersebut (Asmah 2003 dan 2004b, Mohammed Azlan 2010). Menurut Fishman (1972), Ervin-Tripps (1972) dan Asmah (2004a) pemilihan bahasa adalah perkara biasa dalam komuniti yang menuturkan pelbagai bahasa. Oleh itu, individu dari Malaysia atau Thailand akan memilih satu bahasa atau bahasa–bahasa tertentu untuk berkomunikasi sesama mereka dan orang lain.

3. Metodologi

Kajian ini dijalankan di sempadan Malaysia-Thailand, iaitu di Rantau Panjang (Pasir Mas) dan Pengkalan Kubur (Tumpat) di Malaysia, manakala Golok dan Takbai mewakili Thailand. Kaedah kajian terdiri daripada 2 cara, iaitu melalui soal selidik dan temu bual. Seramai 200 responden terdiri daripada 100 responden Malaysia dan 100 responden Thailand daripada pelbagai latar belakang, umur, bangsa, jantina, taraf pendidikan, dan pekerjaan telah terlibat dalam kajian ini. Soal selidik terbahagi kepada 2 bahagian; Bahagian A – mengandungi maklumat latar belakang sosial iaitu umur, bangsa, jantina, pekerjaan, pendidikan dan bahasa pertama responden. Bahagian B - mengenai pilihan bahasa mengikut domain, iaitu bahasa Melayu (BM), bahasa Thai standard (BTS), bahasa Inggeris (BI), bahasa Cina (BC), bahasa rojak (BR), dialek Melayu Patani (DMP) dan dialek Melayu Kelantan (DMK). Maklumat pilihan bahasa ini akan dijumlahkan mengikut peratusan untuk menentukan keutamaan pilihan bahasa yang digunakan oleh responden kajian. Dalam soal selidik bahagian B, maklumat pilihan bahasa ini dibina berdasarkan dua domain yang bersesuaian dengan situasi dan aktiviti penduduk di kawasan kajian, iaitu domain perniagaan dan domain kekeluargaan. Domain perniagaan mengandungi tiga subdomain iaitu urusan membeli belah, di kedai makan dan di imigresen. Manakala domain kekeluargaan pula terdiri daripada tiga subdomain iaitu urusan keluarga, rakan, dan di rumah. Subdomain membeli belah, kedua-dua responden Malaysia atau Thailand akan memilih bahasa yang digunakan oleh mereka yang berjual beli di sempadan. Subdomain di kedai makan pula menunjukkan pilihan bahasa yang digunakan antara penjual makanan dengan pelanggan mereka. Bagi subdomain di imigresen menunjukkan pilihan bahasa responden dengan pihak berkuasa yang mengawal urusan keluar dan masuk penduduk di kedua-dua negara. Dalam domain kekeluargaan pula, subdomain urusan keluarga menunjukkan masyarakat di kedua-dua negara di sempadan ini masih mempunyai ikatan dan sejarah serta selalu kunjung mengunjungi dalam urusan kekeluargaan. Subdomain rakan menunjukkan masyarakat kedua-dua buah negara berkawan rapat di antara satu sama lain dan subdomain di rumah pula menunjukkan pilihan bahasa antara ahli keluarga yang tinggal bersama. Setiap paparan data

pilihan bahasa yang akan dibincangkan adalah mengikut domain dan peringkat umur responden. Temu bual dengan penduduk setempat dijalankan untuk mengesahkan dan mengukuhkan lagi dapatan kajian.

4. Analisis dan Perbincangan

Perbincangan berikut adalah pilihan bahasa responden di sempadan Malaysia–Thailand mengikut domain perniagaan yang terdiri daripada subdomain membeli belah, di kedai makanan dan di imigresen. Manakala, domain kekeluargaan terdiri daripada subdomain urusan keluarga, rakan, dan di rumah.

Domain Perniagaan

Domain ini terdiri daripada tiga subdomain iaitu domain membeli belah, di kedai makan dan di imigresen.

(a) Domain Membeli Belah

Dalam domain membeli belah, responden memilih pelbagai bahasa untuk berkomunikasi antara satu sama lain. Jadual 1 menunjukkan pilihan bahasa responden Malaysia dan Thailand mengikut umur.

Jadual 1: Responden Malaysia dan Thailand Domain Membeli Belah

Sempadan Negara	Umur (Tahun)	Pilihan Bahasa							
		BM	BTS	BI	BC	BR	DMK	DMP	Jumlah Keseluruhan
Malaysia-Thailand	Bawah 20	7	0	1	0	3	8	0	19
	%	**36.8**	**0**	**5.26**	**0**	**15.8**	**42**	**0**	100
	21-40	38	9	15	1	8	59	0	130
	%	**29.2**	**6.9**	**11.5**	**0.77**	**6.15**	**45.4**	**0**	100
	41 dan ke atas	13	6	3	0	7	29	0	58
	%	**22.4**	**10.34**	**5.17**	**0**	**12**	**50**	**0**	100
Jumlah		58	15	19	1	18	96	0	207
Peratus %		**28**	**7.25**	**9.18**	**0.5**	**8.7**	**46**	**0**	**100**
Thailand-Malaysia	Bawah 20	1	3	0	0	1	0	6	11
	%	**9.1**	**27.3**	**0**	**0**	**9.1**	**0**	**54.5**	100
	21-40	12	34	6	0	9	0	63	124
	%	**9.7**	**27.4**	**4.8**	**0**	**7.26**	**0**	**50.8**	100
	41-55	7	18	1	2	7	0	28	63
	%	**11**	**28.6**	**1.6**	**3.2**	**11**	**0**	**44**	100
Jumlah		20	55	7	2	17	0	97	198
Peratus %		**10**	**27.8**	**3.53**	**1**	**8.6**	**0**	**49**	**100**

Petunjuk:
BM-Bahasa Melayu BC-Bahasa Cina DMP-Dialek Melayu Patani
BTS-Bahasa Thai Standard BR-Bahasa Rojak BI-Bahasa Inggeris
DMK-Dialek Melayu Kelantan

Jadual (1) di atas menunjukkan responden Malaysia memilih pelbagai bahasa untuk berkomunikasi semasa membeli belah di sempadan Malaysia-Thailand, iaitu DMK, BM, BI, BTS, BC dan BR. Responden yang

berumur 21-40 tahun memilih enam bahasa, iaitu DMK sebagai bahasa utamanya dengan jumlah 59 orang (45.4%), diikuti BM 38 orang (29.2%), BI 15 orang (11.5%), BTS 9 orang (6.9%), BR 8 orang (6.15%) dan BC hanya 1 orang (0.77%). Responden yang berumur 41 tahun dan ke atas juga memilih DMK sebagai *lingua franca* dengan jumlah 29 orang (50%), diikuti BM 13 orang (22.4%), BR 7 orang (12%), BTS 6 orang (10.34%) dan BI 3 orang (5.17%). Manakala responden yang berumur di bawah 20 tahun memilih kedua-dua DMK dan BM sebagai bahasa utama dengan masing-masing 8 orang (42%) dan 7 orang (36.8%) diikuti BR 3 orang (15.8%) dan BI 1 orang (5.26%). Daripada data yang terkumpul, sesetengah kedai di Malaysia atau Thailand mempunyai pekerja yang boleh bertutur DMK dan BTS.

Manakala responden Thailand yang berumur antara 21-40 tahun memilih DMP sebagai bahasa utama dengan jumlah 63 orang (50.8%) diikuti BTS dan BM dalam urusan membeli belah mereka, iaitu masing-masing 34 orang (27.4%) dan 12 orang (9.7%). Responden yang berumur 41 ke atas juga memilih DMP sebagai bahasa utama dengan jumlah 28 orang (44%) diikuti BTS dengan jumlah 18 orang (28.6%), BM dan BR masing-masing 7 orang (11%). Responden yang berumur bawah 20 tahun mengutamakan DMP dalam komunikasi dengan jumlah 6 orang (54.54%) diikuti BTS seramai 3 orang (27.27%). Kebanyakan pekerja kedai di sempadan Malaysia bertutur DMK dan BM dan sesetengahnya pandai bertutur BTS. DMK dituturkan sepenuhnya dengan pembeli atau penjual yang datang dari Kelantan, manakala BM digunakan apabila pembeli itu berasal dari luar seperti Kuala Lumpur atau negeri lain. Manakala, pekerja kedai di sempadan Thailand bertutur DMP dan BTS. Oleh yang demikian, bahasa yang menjadi bahasa utama di sini ialah DMK/DMP diikuti BTS. DMK digunakan dengan pembeli atau penjual dari Malaysia, sementara BTS dituturkan dengan pembeli atau penjual dari Thailand.

Dapatan dalam domain ini sama dengan kajian yang dilakukan oleh Noriah & Meriam (2007) terhadap domain jual beli dan transaksi di kalangan masyarakat Chetti Melaka. Beliau mendapati bahawa terdapat pelbagai ragam bahasa yang digunakan dalam domain jual beli. Bahasa yang paling banyak digunakan ialah bahasa Melayu pasar/ bahasa Melayu basahan. Bahasa yang diguna bergantung pada pameran. Jika pameran orang Cina atau India, bahasa Melayu pasar digunakan. Jika peniaga ialah orang Melayu, maka bahasa Melayu basahan digunakan.

(b) Domain di Kedai Makanan

Responden ditanya bahasa apakah yang digunakan apabila berinteraksi dengan penjual atau pembeli makanan dari Malaysia dan Thailand. Jadual 2 menunjukkan pilihan bahasa oleh responden Malaysia dan Thailand dalam domain tersebut.

Jadual 2: Responden Malaysia dan Thailand Domain di Kedai Makanan

Sempadan Negara	Umur (Tahun)	Pilihan Bahasa							
		BM	BTS	BI	BC	BR	DMK	DM P	Jumlah Keseluruhan
Malaysia-Thailand	Bawah 20	1	0	0	0	0	8	0	9
	%	11.1	0	0	0	0	88.9	0	100
	21-40	6	3	0	0	0	61	0	70
	%	8.6	4.3	0	0	0	87.1	0	100
	41 dan ke atas	2	0	0	0	1	29	0	32
	%	0	0	0	0	0	90.6	0	100
Jumlah		**9**	**3**	**0**	**0**	**1**	**98**	**0**	**111**
Peratus %		**8.1**	**2.7**	**0**	**0**	**0.9**	**88.3**	**0**	**100**
	Bawah 20	0	2	0	0	0	0	6	8

Thailand-Malaysia	%	0	25	0	0	0	0	75	100
	21-40	2	32	1	0	11	0	57	103
	%	1.94	31	0.97		10.7	0	55.3	100
	41-55	2	10	0	0	3	0	28	43
	%	4.65	23.25	0	0	6.97	0	65	100
Jumlah		**4**	**44**	**1**	**0**	**14**	**0**	**91**	**154**
Peratus %		**2.6**	**28.6**	**0.65**	**0**	**9**	**0**	**59**	**100**

Jadual (2) di atas menunjukkan hampir keseluruhan responden Malaysia dalam domain di kedai makanan memilih DMK sebagai bahasa utama, iaitu 98 orang (88.3%). Responden dari semua peringkat umur memilih DMK sebagai bahasa *lingua franca* iaitu responden yang berumur bawah 20 tahun berjumlah 8 orang (88.9%), yang berumur 21-40 tahun 61 orang (87%) dan yang berumur 41 ke atas 29 orang (90.6%). Responden yang memilih BM keseluruhan hanya 9 orang (8.1%) dan yang mengguna BTS 3 orang (2.7%) dalam domain tersebut. Ini menunjukkan bahawa responden pada semua tahap umur memilih DMK kerana mereka hanya membeli makanan di kedai makanan Islam dan mereka selesa menggunakan DMK. Bahasa- bahasa BTS hanya dituturkan oleh penjual atau pembeli dari Thailand.

Responden Thailand pula memilih DMP sebagai bahasa *lingua franca* diikuti BTS apabila berinteraksi di kedai makan. Responden Thailand yang berumur 21-40 tahun memilih kedua-dua bahasa, iaitu DMP 57 orang (55.3%) dan BTS 32 orang (31%) dan sesetengahnya memilih BR, iaitu seramai 11 orang (10.7%). Majoriti responden yang berumur 41-55 tahun memilih DMP dibandingkan dengan BTS, iaitu sejumlah 28 orang (65%). Manakala BTS hanya dituturkan oleh seramai 10 orang (23.25%) sahaja. Oleh itu, DMP masih menjadi bahasa utama apabila berinteraksi di kedai makanan kerana kebanyakan penjual makanan ialah orang tempatan yang bercakap DMP dan beragama Islam. Majoriti orang Thai di sempadan Malaysia – Thailand berketurunan Melayu dan beragama Islam. Oleh itu mereka hanya membeli makanan di kedai makanan orang Islam. BTS digunakan hanya kepada penjual yang beragama Islam yang tidak boleh bertutur DMP. Responden yang berumur di bawah 20 tahun majoritinya juga memilih DMP, iaitu sebanyak 6 orang (75%) sebagai bahasa utama.

(c) Domain Imigresen

Subdomain imigresen, responden ditanya apakah pilihan bahasa utama mereka apabila berinteraksi dengan pegawai imigresen di sempadan Malaysia dan Thailand. Jadual 3 menunjukkan pilihan bahasa responden Malaysia dan Thailand dalam subdomain imigresen.

Jadual 3: Responden Malaysia dan Thailand Domain di Imigresen

Sempadan Negara	Umur (Tahun)	Pilihan Bahasa							
		BM	BTS	BI	BC	BR	DMK	DMP	Jumlah Keseluruhan
Malaysia-Thailand	Bawah 20	4	1	0	0	0	8	0	13
	%	30.8	7.7	0	0	0	61.5		100
	21-40	11	3	1	0	0	58	0	73
	%	15	4.1	1.37	0	0	79.4	0	100
	41 dan ke atas	5	0	0	0	0	29	0	34
	%	14.7	0	0	0	0	85.3	0	100
Jumlah		**20**	**4**	**1**	**0**	**0**	**95**	**0**	**120**
Peratus %		**16.7**	**3.3**	**0.8**	**0**	**0**	**79**	**0**	**100**
Thailand-Malaysia	Bawah 20	1	4	0	0	0	0	6	11
	%	9.1	36.4	0	0	0	0	54.5	100
	21-40	3	40	1	0	8	0	56	108

	%	2.8	37	0.9	0	7.4	0	51.8	100
	41-55	3	17	0	0	1	0	26	47
	%	6.5	36	0	0	2.1	0	55.4	100
Jumlah		**7**	**61**	**1**	**0**	**9**	**0**	**88**	**166**
Peratus %		**4.2**	**36.7**	**0.6**	**0**	**5.42**	**0**	**53**	**100**

Domain Kekeluargaan

Dalam domain kekeluargaan, responden ditanya mengenai bahasa yang digunakan apabila berinteraksi dengan ibu bapa, suami, isteri, anak, adik-beradik, saudara mara dan rakan-rakan. Domain ini terdiri daripada tiga sub domain: urusan keluarga, rakan dan di rumah.

d) Domain urusan keluarga

Dalam domain urusan keluarga ini, responden ditanya tentang bahasa yang digunakan apabila berinteraksi dengan saudara-mara yang datang berkunjung dari kedua-dua negara. Jadual 4 menunjukkan pilihan bahasa responden Malaysia dan Thailand dalam domain urusan keluarga.

Jadual 4: Responden Thailand Domain Urusan Keluarga

Sempadan Negara	Umur (Tahun)	Pilihan Bahasa							
		BM	BT	BI	BC	BR	DMK	D M P	Jumlah Keseluruhan
Malaysia-Thailand	Bawah 20	0	0	0	0	0	8	0	8
	%	0	0	0	0	0	100	0	100
	21-40	3	2	0	0	2	61	0	68
	%	4.4	2.9	0	0	2.9	89.7	0	100
	41 dan ke atas	2	2	0	0	1	29	0	34
	%	0	0	0	0	0	85	0	100
Jumlah		**5**	**4**	**0**	**0**	**3**	**98**	**0**	**110**
Peratus %		**4.54**	**3.6**	**0**	**0**	**2.72**	**89**	**0**	**100**
Thailand-Malaysia	Bawah 20	0	2	0	0	2	0	6	10
	%	0	20	0	0	20	0	60	100
	21-40	3	14	1	0	10	0	59	87
	%	3.45	16	1.15	0	11.5	0	67.8	100
	41-55	2	9	0	0	4	0	27	42
	%	4.8	21.4	0	0	9.5	0	64.3	100
Jumlah		**5**	**25**	**1**	**0**	**16**	**0**	**92**	**139**
Peratus %		**3.6**	**18**	**0.7**	**0**	**11.5**	**0**	**66.2**	**100**

Jadual 3 di atas menunjukkan 95 orang (79%) responden di sempadan Malaysia memilih DMK sebagai *lingua franca* diikuti BM seramai 20 orang (16.7%) dan BTS seramai 4 orang (3.3%). Responden yang berumur 41 tahun ke atas memilih dua bahasa sahaja iaitu DMK dengan jumlah 29 orang (85.3%) dan BM seramai 5

orang (14.7%) sahaja. Manakala, responden yang lebih muda iaitu yang berumur 40 tahun ke bawah bertutur dalam empat bahasa iaitu DMK, BM, BTS dan BI. Responden yang berumur 21-40 tahun memilih DMK sebagai bahasa utama dengan jumlah 58 orang (79.4%) diikuti BM seramai 11 orang (15%), BTS 3 orang (4.1%) dan BI 1 orang (1.37%). Ini kerana kebanyakan pegawai imigresen di sempadan Malaysia ialah orang Kelantan dan jumlah pegawai imigresen yang datang dari negeri lain adalah sedikit dan mereka juga boleh bertutur DMK. Oleh itu bahasa DMK ialah *lingua franca* dalam domain ini. BM digunakan dengan pegawai yang datang dari negeri lain sementara BTS digunakan dengan pegawai imigresen di sempadan Thailand. Selain itu, kebanyakan pegawai imigresen di sempadan Malaysia tidak boleh bertutur dalam BTS. Bagi responden Thailand pula, mereka memilih untuk menggunakan kedua-dua bahasa DMP 88 orang (53%) dan BTS 61 orang (36.7%) sebagai bahasa utama dalam urusan imigresen. Ini kerana responden Thailand boleh bertutur dalam kedua-dua bahasa. Mereka akan bertutur dalam BTS apabila berada di imigresen Thailand kerana pegawai imigresen Thailand kebanyakkan berbahasa Thai. Manakala di imigresen Malaysia, mereka memilih DMK kerana pegawai di sini bertutur dalam DMK mereka tidak boleh bertutur dalam BTS.

Jadual 4 di atas menunjukkan bahawa DMK ialah bahasa *lingua franca*. Kesemua responden Malaysia yang berumur 20 tahun ke bawah, iaitu 8 orang (100%) memilih DMK. Begitu juga dengan responden yang berumur 21-40 tahun dan 41 tahun ke atas masing-masing berjumlah 61 orang (89.7%) dan 29 orang (85%) memilih DMK sebagai bahasa utama mereka dalam urusan keluarga. Ini menunjukkan DMK ialah bahasa yang digunakan di rumah dan apabila berinteraksi dengan saudara mara dari Thailand kerana DMK dan DMP adalah bahasa yang sama hanya geografi sahaja yang memisahkan mereka.

Responden Thailand pula memilih tiga bahasa dalam urusan keluarga, iaitu DMP, BTS dan BR. Data di atas menunjukkan responden pada semua peringkat umur, dengan jumlah 92 orang (66.2%) memilih DMP sebagai bahasa dominan diikuti BTS seramai 25 orang (18%) dan BR 16 orang (11.5%). Hal ini disebabkan oleh bahasa ibunda responden Thailand ialah DMP, iaitu bahasa tersebut bersamaan dengan DMK. Mereka lebih selesa menggunakan DMP berbanding BTS dalam hal urusan keluarga dan apabila bercakap dengan saudara mara dari Malaysia. Di kalangan responden yang berumur 21-40 tahun, mereka juga menggunakan BTS apabila berinteraksi dengan saudara mara dari Malaysia yang boleh bertutur dalam BTS. Ini kerana sebahagian rakyat Thai yang berkahwin dengan rakyat Malaysia kemudian menetap di Malaysia dan menjadi warganegara Malaysia masih boleh bercakap BTS dengan fasih.

(e) Domain Rakan

Dalam domain ini responden ditanya mengenai bahasa yang digunakan apabila berinteraksi dengan rakan-rakan/ kawan dari kedua-dua buah negara. Jadual 5 menunjukkan pilihan bahasa responden Malaysia dan Thailand dalam domain rakan.

Jadual 5: Responden Malaysia dan Thailand Domain Rakan

Sempadan Negara	Umur (Tahun)	Pilihan Bahasa							
		BM	BTS	BI	BC	BR	DMK	DM P	Jumlah Keseluruhan
Malaysia-Thailand	Bawah 20	0	0	0	0	0	8	0	8
	%	0	0	0	0	0	100	0	100
	21-40	8	6	0	1	6	60	0	81
	%	5	3	0	1.2	3	46	0	100
	41 dan ke atas	3	2	0	0	1	30	0	36
	%	8.3	5.5	0	0	2.8	83.3	0	100
Jumlah		**11**	**8**	**0**	**1**	**7**	**98**	**0**	**125**
Peratus %		**8.8**	**6.4**	**0**	**0.8**	**5.6**	**78.4**	**0**	**100**
	Bawah 20	0	3	0	0	0	0	5	8

Thailand-Malaysia	%	0	37.5	0	0	0	0	62	100
	21-40	2	37	3	0	15	0	60	117
	%	1.7	31.6	2.6	0	13	0	51.3	100
	41-55	3	17	0	0	2	0	29	51
	%	5.9	33.3	0	0	3.9	0	57	100
Jumlah		**5**	**57**	**3**	**0**	**17**	**0**	**94**	**176**
Peratus %		**2.8**	**32.4**	**1.7**	**0**	**9.7**	**0**	**53.4**	**100**

Jadual 5 di atas menunjukkan responden Malaysia yang berumur 21-40 tahun boleh bertutur pelbagai bahasa seperti BM, BTS, BR, BC, namun mereka masih memilih bahasa DMK iaitu seramai 60 orang (46%) sebagai bahasa utama. Mereka yang bercakap dalam BM seramai 8 orang (5%), BTS dan BR masing-masing 6 orang (3%). Kesemua responden yang berumur 20 tahun ke bawah dan 41 tahun ke atas juga memilih DMK sebagai bahasa dominan dengan jumlah masing-masing 8 orang (100%) dan 30 orang (83.3%). Secara keseluruhan seramai 98 orang (78.4%) responden memilih DMK apabila berkomukasi dangan rakan-rakan sama ada rakan dari Malaysia atau dari Thailand. BM dan BTS tidak banyak digunakan, dengan masing-masing sebanyak 11 orang (8.8%) dan 8 orang (6.4%) sahaja. Penggunaan BM ini hanya dalam kalangan rakan-rakan yang tidak bertutur DMK, manakala BTS digunakan dengan rakan yang boleh bercakap BTS.

Manakala responden Thailand yang berumur 20 tahun ke bawah memilih kedua-dua bahasa, iaitu DMP dan BTS sebagai bahasa utama dengan jumlah masing-masing 5 orang (62%) dan 3 orang (37.5%). Responden yang berumur 21-40 tahun pula memilih tiga bahasa utama iaitu DMP seramai 60 orang (51.3%), diikuti BTS 37 orang (31.6%) dan BR 15 orang (13%). Manakala responden yang berumur 41 tahun ke atas juga memilih DMP iaitu seramai 29 orang (57%) sebagai bahasa utama diikuti BTS 17 orang (33.3%). Didapati bahawa responden Thailand menggunakan tiga bahasa utama apabila berinteraksi dengan rakan-rakan mereka iaitu DMP 53.4%, BTS 32.4%, dan BR 9.7%. Ini kerana mereka ialah penutur dwibahasa.

(f) Domain Rumah

Responden ditanya mengenai bahasa yang digunakan apabila berinteraksi dengan ibu bapa, suami, isteri, anak, adik-beradik. Jadual 6 menunjukkan pilihan bahasa responden Malaysia dan Thailand dalam domain di rumah.

Jadual 6: Responden Malaysia dan Thailand Domain di Rumah

Sempadan Negara	Umur (Tahun)	Pilihan Bahasa							
		BM	BTS	BI	BC	BR	DMK	DM P	Jumlah Keseluruhan
Malaysia-Thailand	Bawah 20	0	0	0	0	0	8	0	8
	%	0	0	0	0	0	100	0	100
	21-40	4	2	0	1	1	59	0	67
	%	6	3	0	1.5	1.5	88	0	100
	41 dan ke atas	2	0	0	0	0	29	0	31
	%	0	0	0	0	0	93	0	100
Jumlah		**6**	**2**	**0**	**1**	**1**	**96**	**0**	**106**
Peratus %		**5.7**	**1.9**	**0**	**0.9**	**0.9**	**90.6**	**0**	**100**
	Bawah 20	0	2	0	0	2	0	6	10

Thailand-Malaysia	%	0	20	0	0	20	0	60	100
	21-40	1	28	1	0	13	0	53	96
	%	1.04	29.2	1.04	0	13.5	0	55	100
	41-55	2	13	0	0	5	0	23	43
	%	4.65	30.2	0	0	11.6	0	53.5	100
Jumlah		**3**	**43**	**1**	**0**	**20**	**0**	**82**	**149**
Peratus %		**2.0**	**28.9**	**0.7**	**0**	**13.4**	**0**	**55**	**100**

Jadual (6) di atas menunjukkan DMK ialah bahasa utama bagi responden Malaysia dengan jumlah seramai 96 orang (90.6%). Majoriti responden yang berumur 20 tahun ke bawah, 21-40 tahun dan 41 tahun ke atas memilih DMK dalam domain ini, iaitu masing-masing 8 orang (100%), 59 orang (88%) dan 29 orang (93%). Dapatan ini juga menunjukkan responden yang berumur 21-40 tahun cenderung memilih bahasa lain seperti BM, BTS, BR dan BC. Ini kerana kumpulan umur ini terpengaruh oleh persekitaran luar seperti rakan-rakan sekerja yang bertutur dalam bahasa lain daripada DMK.

Responden Thailand ialah penutur dwibahasa. Mereka boleh bertutur dalam kedua-dua bahasa iaitu DMP dan BTS. Walau bagaimanapun, mereka mengutamakan DMP apabila berkomunikasi di rumah sebagai lambang jati diri orang Melayu Thai yang beragama Islam. Responden yang berumur 21-40 tahun menggunakan tiga bahasa iaitu DMP 53 orang (55%), diikuti BTS 28 orang (29.2%) dan BR 13 orang (13.5%). Responden yang berumur 41 tahun ke atas juga cenderung menggunakan tiga bahasa, iaitu DMP dengan jumlah 23 orang (53.5%), diikuti BTS 13 orang (30.2%) dan BR 5 orang (11.6%). Data di atas menunjukkan bahawa responden pada semua peringkat umur memilih untuk bertutur dalam tiga bahasa tetapi DMP masih dipilih sebagai bahasa utama dengan jumlah keseluruhan 82 orang (55%) diikuti dengan BTS 43 orang (29%) dan BR 20 orang (13.4%). Ini menunjukkan ada peralihan bahasa dari DMP ke BTS dan BR. Namun begitu, sesetengah responden yang berpelajaran tinggi dan tinggal di kawasan bandar akan banyak menggunakan BTS apabila bercakap dengan ibu bapa, anak-anak dan adik beradik. Ini kerana mereka menyedari bahawa BTS lebih penting apabila berurusan dengan pihak kerajaan seperti di pejabat-pejabat kerajaan dan di sekolah dan dalam urusan perniagaan dengan bangsa lain di Thailand. Bagi mereka yang mempunyai anak kecil, bertutur dalam BTS adalah sebagai persediaan bagi anak-anak mereka ke bangku sekolah dan memastikan mereka tidak ketinggalan dalam pembelajaran kerana BTS adalah bahasa pengantaraan di sekolah-sekolah di Thailand.

Daripada data di atas, bahasa BR juga sering digunakan dalam domain ini terutama di antara adik-beradik yang berumur 21-40 tahun dan berpendidikan tinggi tinggal di kawasan bandar. Menurut Nik Safiah (1992), gejala penukaran bahasa atau bahasa rojak ini benar-benar menggambarkan keadaan bahasa dalam peralihan. Dalam keadaan ini, anggota masyarakatnya menggunakan lebih daripada satu bahasa untuk berhubung, tetapi penguasaan mana-mana bahasa yang digunakan dalam keseluruhan perbualan atau percakapan tidak memuaskan. Menurut kajian Jamaliah (1995) bahasa rojak atau penukaran bahasa sering berlaku dalam kalangan keluarga di kawasan bandar. BM, BI dan bahasa etnik, ketiga-tiga bahasa ini, sering mengalami gejala penukaran bahasa di kawasan bandar di Malaysia. Hal ini memberi gambaran bahawa gejala penggunaan BR sudah menjadi sesuatu yang lazim dalam kalangan penutur di Malaysia.

5. Kesimpulan

Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, kajian ini mendapati DMK/DMP ialah bahasa utama yang dituturkan dalam domain perniagaan dan domain kekeluargaan bagi penduduk di sempadan Malaysia-Thailand diikuti dengan BTS, BR dan BM. Penutur di sempadan Malaysia memilih DMK sebagai bahasa *lingua franca* apabila berinteraksi dengan orang tempatan dan orang Thai. Kajian ini turut menunjukkan bahawa responden dari Malaysia menggunakan lebih daripada satu bahasa, iaitu DMK, BM, BTS, BR, BI dan BC.

Manakala, responden Thailand ialah penutur dwibahasa kerana dapat bertutur DMP dan BTS. Responden Thailand memilih DMP sebagai bahasa *lingua franca* dalam domain kekeluargaan. Ini kerana DMP ialah bahasa ibunda responden Thailand di sempadan Malaysia – Thailand. DMP melambangkan jati diri penutur sebagai kaum Melayu yang beragama Islam. Walau bagaimanapun, terdapat ramai responden yang menggunakan BTS, khususnya dalam kalangan generasi muda yang berumur 21- 40 tahun.

Rujukan

Abdullah Hassan. (2007). Bahasa Rojak dan Karisma Penutur. *Seminar Bahasa Rojak: Kecelaruan Penggunaan Bahasa Melayu*. Dewan Seminar Menara DBP Kuala Lumpur (18-19 Julai).

Asmah Haji Omar. (2001). *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Haji Omar. (2004). *The Encyclopedia of Malaysia Volume 9.* Kuala Lumpur: Archipelago Press.

Asmah Haji Omar. (2007). Taksonomi Pertemuan Bahasa Di manakah Letaknya Bahasa Rojak *Seminar Bahasa Rojak: Kecelaruan Penggunaan Bahasa Melayu*. Dewan Seminar Menara DBP Kuala Lumpur (18-19 Julai).

Borbely, A. 2000. *The process and factors of language shift and maintenance: A sociolinguistic research of the Romanian minority community in Hungary*. Praha: Research Support Scheme.

Ervin-Tripp, S. (1972). An Analysis of Interaction of Language, Topic, and Listener (ed. Fishman) dlm. *Reading In Sociology of Language*. Mouton: The Hague-Paris.

Fishman, Joshua A. (1972). The Relation between Micro and Macroociolinguistics in the story of Who Speaks What Language to Whom and When" *Sociocultural Change* oleh Anwar D. Dil. California: Stanford University Press.

Fishman, Joshua A. (1991). *Sosiologi Bahasa* (terj. Alias Mohammad Yatim). Pulau Pinang/Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Sains Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Holmes, Janet. (2001). *An Introduction to Sociolinguistics (second edition).* Longman: Malaysia.

Jamaliah Mohamad Ali. (1995). "Malaysian Student Seminar- a Study of Programatic Features in Verbal Interaction". Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya.

Mohammed Azlan Mis. (2008). Adakah bahasa Suku Kaum Melanau Akan Pupus? Penelitian berdasarkan Pilihan bahasa di Sarikei. *Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa dan Budaya Moribund* di Hotel Hilton, Petaling Jaya 14-16 Oktober 2008.

Mohammed Azlan Mis. (2010). *Lingua Franca* Di Sarawak: Aplikasi Teori Pilihan bahasa. *Gema Online Journal of Language Studies*. Vol. 10. Issue 2: 97-116.

Mohammed Azlan Mis. (2010a). *Lingua Franca* Suku Kaum Di Sarawak. *Jurnal Bahasa*. Mei-Ogos 2010. Bil. 20. 131-152.

Mohammed Azlan Mis. (2011). Analisis Pilihan Bahasa Sebagai *Lingua Franca* Di Negeri Sarawak. Unpublished PhD Thesis: Universiti Malaya.

Nik Safiah Karim. (1992). *Beberapa Persoalan Sosiolinguistik Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Noriah Mohamed dan Meriam Abd. Karim. (2005). Penggunaan bahasa Melayu Kreol Chetti Melaka: Satu analisis Domain. *Jurnal Bahasa.* Jilid 5. Bil.1. 1-41.